

Soalan No:54

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [ KULAI]****TARIKH : 20.11.2017****SOALAN :**

**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan pembangunan untuk membina 10 buah SJKC baru dan 6 buah SJKC yang akan berpindah lokasi yang diumumkan pada 26.10.2017 dan bilakah jangka siap sekolah-sekolah tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dalam pembinaan sekolah baharu yang melibatkan agensi pusat dan pihak berkuasa tempatan. Pada dasarnya, anggaran kos bagi pembinaan sesebuah sekolah baharu bergantung kepada skop projek (bilangan bilik darjah dan kemudahan lain) serta keadaan tapak projek. Sehubungan dengan itu, anggaran kos pembinaan bagi sepuluh (10) buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) baharu dan enam (6) buah SJKC yang dipindahkan tersebut hanya boleh diketahui setelah skop projek sekolah-sekolah tersebut telah ditetapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [ TANJONG ]**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**SOALAN : 55**

Tuan Ng Wei Aik [ Tanjong ] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada jadual perkhidmatan feri Pulau Pinang akan disusun semula supaya warga Pulau Pinang yang menggunakan perkhidmatan feri dari bahagian pulau sempit untuk menaiki ETS yang berlepas dari KTM Butterworth pada jam 4.45 pagi dan 6.10 pagi memandangkan tiada feri sekarang yang berlepas dari bahagian pulau di antara jam 12.40 pagi sehingga 5.40 pagi.

119

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, perkhidmatan feri penumpang Pulau Pinang sedang dalam proses pengambilalihan oleh syarikat Prasarana. Dalam hubungan ini, adalah terlalu awal untuk menentukan sama ada perkhidmatan feri yang akan dijalankan oleh Prasarana akan menyusul kepada perkhidmatan feri di antara waktu-waktu yang dicadangkan.

Walau bagaimanapun, Prasarana telah mencadangkan model penambahbaikan perkhidmatan feri yang dikenali sebagai konsep *Integrated Transport Orientation Development* (ITOD) atau Pembangunan Integrasi Berasaskan Pengangkutan di Pulau Pinang memandangkan perkhidmatan feri merupakan salah satu *mode* di dalam rangkaian pengangkutan awam Pulau Pinang dan Kementerian percaya bahawa Prasarana akan turut mengambil kira keperluan penumpang yang ingin menggunakan perkhidmatan bas dan ETS di Butterworth.